

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA, PARLIMEN
KETIGA BELAS(2014)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' ABD. AZIZ BIN SHEIKH
FADZIR [KULIM BANDAR BAHARU]**

TARIKH : 11 JUN 2014 [RABU]

SOALAN:

Dato' Abd. Aziz bin Haji Sheikh Fadzir [Kulim Bandar Baharu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah yang sedang dan akan diambil Kerajaan dalam membendung gejala murtad yang semakin serius dan berlaku secara terbuka dan berapakah statistik penama yang murtad mengikut pecahan bangsa, umur dan jantina bagi tahun 2010 sehingga 2013.

**JAWAPAN: (Y.B. MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR
BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN
PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang Di-Pertua,

Kerajaan memandang serius terhadap **gejala ke arah murtad** yang menjadi satu isu hangat diperkatakan oleh masyarakat Islam di mana-mana sahaja sama ada dalam media arus perdana, elektronik dan juga

media sosial. Oleh yang demikian, pihak Kerajaan telah menjalankan usaha-usaha membendung gejala ke arah murtad dan mencegah penyebaran agama lain disebar kepada umat Islam di seluruh negara. Program ini diselaraskan dan diuruskan bersama oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dengan Jabatan Agama Islam Negeri-Negeri (JAIN), Majlis Agama Islam Negeri-Negeri (MAIN) termasuk pertubuhan bukan Kerajaan (NGO) Islam.

Antara **program pencegahan** khususnya di kalangan saudara muslim (saudara baru) ialah ziarah dan lawatan ke rumah-rumah/institusi institusi berkaitan, menjalankan aktiviti pengukuhan agama melalui kelas-kelas pengajian, seminar dan diskusi agama. Sokongan bantuan Baitul Mal juga disediakan kepada mereka dan kepada golongan yang kurang berkemampuan yang tergolong dalam golongan asnaf bagi meringankan tanggungan mereka. Khidmat nasihat turut disediakan bagi mereka yang menghadapi masalah berkaitan hukum dan isu-isu kekeluargaan. Khidmat nasihat ini boleh didapati melalui soal jawab kemusykilan agama internet, panggilan telefon atau hadir ke JAIN/Pejabat Agama Daerah atau ke pusat khidmat komuniti yang dikenali sebagai Pusat Pembangunan Keluarga Islam (PPKI) dan Pusat Pembangunan Sosial (PPS) yang ditubuhkan di seluruh negara bagi mendapatkan khidmat nasihat berkaitan.

Dari **aspek undang-undang**, peruntukkan Perkara 11(4) Perlembagaan Persekutuan dengan jelas mencegah penyebaran agama lain secara terbuka. Bagi tujuan ini, beberapa buah negeri telah mempunyai undang-

undang yang dinamakan sebagai **Enakmen Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama Bukan Islam Kepada Orang Islam**. Undang-undang ini diwujudkan adalah bertujuan untuk mengawal dan menyekat pengembangan doktrin atau kepercayaan agama bukan Islam di kalangan orang yang menganuti agama Islam demi menjamin kehormatan dan kesucian Islam. Negeri-negeri yang telah menguatkuasakan Enakmen Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama Bukan Islam Kepada Orang Islam ialah Terengganu, Kelantan, Selangor, Melaka, Kedah, Pahang, Johor, Negeri Sembilan dan Perlis.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini, **tidak ada penganut agama Islam termasuk saudara muslim (saudara baru) yang telah murtad berdasarkan tiada permohonan untuk murtad di Mahkamah Syariah,** kecuali permohonan **menentukan status agama** yang dipohon oleh individu berikutan kekeliruan yang terdapat dalam sijil kelahiran atau kad pengenalan atau sijil akuan memeluk Islam. Mahkamah Syariah akan menimbang permohonan tujuan menentu status agama dalam keadaan berlakunya kekeliruan semasa pendaftaran nama terutama di negeri Sabah dan Sarawak dimana nama mereka seakan nama orang beragama Islam tetapi mereka bukan beragama Islam.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' AR. WAN MOHAMMAD KHAIR-IL ANUAR
BIN WAN AHMAD [KUALA KANGSAR]**

TARIKH : 11 JUN 2014 (RABU)

SOALAN : 138

Dato' Ar. Wan Mohammad Khair-il Anuar bin Wan Ahmad [Kuala Kangsar] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah kewajaran kadar "*road tax*" atau "cukai jalan" kereta dikenakan mengikut kapasiti enjin kereta dan tidak mengikut penggunaan dan kategori permotoran yang dinamik seperti yang diamalkan di negara-negara maju. Apakah pihak JPJ akan mengkaji dan menyelaraskan semula perkara ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Seksyen 15, Akta Pengangkutan Jalan 1987 telah memperuntukkan suatu kenderaan motor hendaklah mempunyai "*road tax*" atau "cukai jalan" sebelum dibenarkan digunakan di atas jalan raya. Kadar cukai jalan bagi kenderaan-kenderaan yang didaftarkan di Malaysia adalah seperti yang terdapat dalam Jadual Keempat, Kaedah-Kaedah Kenderaan Motor (Pendaftaran Dan Pelesenan) 1959. Selain daripada kapasiti enjin kenderaan, penetapan kadar cukai jalan juga berpandukan jenis bahan bakar yang digunakan dan berat untuk kenderaan perdagangan. Penetapan kadar ini juga turut berasaskan jenis kegunaan kenderaan sama ada persendirian ataupun perdagangan sepertimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Kuala Kangsar.

Sebagai perbandingan, kaedah pengiraan cukai jalan di Malaysia adalah hampir sama sepertimana diamalkan di negara Singapura iaitu berasaskan kapasiti enjin kenderaan, jenis bahan bakar dan jenis kegunaan. Selain dari Negara Singapura, secara umumnya Jepun dan Hong Kong juga masih menggunakan kapasiti enjin sebagai asas pengiraan "*road tax*" atau "cukai jalan".

Tuan Yang Dipertua,

Berhubung dengan cadangan untuk menetapkan kadar cukai jalan mengikut kategori permotoran yang dinamik, perkara ini perlu dikaji dengan

teliti mengambilkira pelbagai aspek dan ianya perlu dikemukakan kepada Kementerian Kewangan untuk pertimbangan selanjutnya.